

11 FEB 1998

Yaman-Krisis

MALAYSIA DAN YAMAN SEPENDAPAT MENGENAI KONFLIK IRAQ-AMERIKA

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Malaysia dan Republik Yaman sependapat bahawa krisis di Asia Barat khususnya konflik Iraq-Amerika Syarikat yang kian tegang sekarang harus diselesaikan secara aman tanpa menggunakan kekuatan ketenteraan.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah melaporkan pendirian Malaysia itu dalam perbincangan singkatnya dengan Presiden Yaman, Ali Abdallah Saleh di sini petang ini.

"Berhubung isu di Asia Barat, Perdana Menteri melaporkan kepada delegasi Yaman bahawa beliau gembira mendapati pandangan, pendirian dan dasar Malaysia dan Yaman adalah sama," katanya ketika memberi taklimat kepada pemberita selepas pertemuan dua pemimpin itu.

Ali tiba pagi tadi bersama delegasi 69 orang untuk lawatan rasmi empat hari.

Abdullah berkata memandangkan Malaysia dan Yaman adalah anggota Persidangan Negara-negara Islam (OIC), maka pendirian kedua-dua negara jelas.

Malaysia dan Yaman juga menandatangani tiga perjanjian -- Perjanjian mengenai Kerjasama Ekonomi, Saintifik, Teknikal dan Kebudayaan; Perjanjian Perdagangan dan Perjanjian Jaminan Pelaburan dan satu Memorandum Persefahaman (MoU) antara Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (MIDA) dan Lembaga Pelaburan Umum Yaman.

Perjanjian Kerjasama Ekonomi, Saintifik, Teknikal dan Kebudayaan dimeterai oleh Abdullah bagi pihak kerajaan Malaysia manakala Yaman diwakili oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Luarnya, Dr Abdulkarim Al Iryani.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian, Datuk Seri Rafidah Aziz menandatangani Perjanjian Perdagangan bersama Menteri Perancangan merangkap Pengerusi Kawasan Zon Bebas Yaman, Abdulkader Bajamal.

Rafidah juga menandatangani Perjanjian Jaminan Pelaburan bersama Menteri Perindustrian merangkap Pengerusi Lembaga Pelaburan Umum Yaman, Ahmed Sofan.

Ketua Pengarah MIDA, Datuk Zainun Aishah Ahmad menandatangani MoU bagi pihak MIDA manakala Ketua Sektor Penggalakan, Mohammed Abdulkawi Hayel mewakili Yaman.

Abdullah berkata kerjasama lebih erat antara Malaysia dan Yaman harus diwujudkan terutamanya ketika memainkan peranan pada forum antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Katanya Malaysia melihat lokasi Yaman sebagai strategik di Asia Barat kerana negara itu menawarkan kemudahan pelabuhannya di Eden untuk dijadikan pintu masuk bagi mengedarkan barangan buatan Malaysia ke negara-negara Afrika seperti Somalia, Habsyah dan Djibouti.

Abdullah juga berkata Presiden Yaman itu tertarik dengan pengalaman Malaysia di segi pembangunan khususnya dasar penswastaan yang melibatkan bidang telekomunikasi dan penerbangan.

Abdullah berkata Dr Mahathir dan Ali menyifatkan perbincangan mereka mencapai hasil yang bermakna dalam membuka ruang untuk meluaskan kerjasama dua hala. -- BERNAMA

ZAB MHI MAI